

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU  
[TAMBUN]**

**TARIKH : 29 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [ TAMBUN ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Tindakan Mobiliti Elektrik Negara yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pasaran utama mobiliti elektrik di rantau ini merangkumi kerangka komprehensif pembangunan kenderaan elektrik dan ekosistem sokongan. Di bawah pelan ini, Kerajaan mensasarkan pewujudan 100,000 unit kereta elektrik, 100,000 unit skuter elektrik, 2,000 unit bas elektrik dan 125,000 unit stesen pengecas menjelang tahun 2020. Sejauh manakah kemajuan sasaran tersebut sehingga tahun 2020.

**JAWAPAN**

1. Pelan Tindakan Mobiliti Elektrik Negara terangkum di dalam dokumen Pelan Induk Teknologi Hijau yang turut menggariskan halatuju pelaksanaan mobiliti elektrik di Malaysia. Jumlah pendaftaran kenderaan elektrik yang direkodkan adalah sebanyak 175 unit kereta 100% elektrik, 26,000 kereta *plug-in hybrid*, 29 unit bas elektrik dan 1,062 unit motosikal elektrik.

Sebanyak 472 stesen pengecas kenderaan elektrik awam juga telah dipasang yang majoritinya adalah dari rangkaian ChargeEV dibawah pemantauan Malaysian Green Technology Corporation and Climate Change Centre (MGTC) dan juga Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

2. KASA telah pun membangunkan *Low Carbon Mobility Blueprint* (LCMB) untuk memastikan pembangunan mobiliti elektrik sebagai salah satu bentuk mobiliti rendah karbon yang akan dilaksanakan untuk tempoh 10 tahun.

Sekian. Terima kasih.